

BAB KEDUA
PERTANIAN MENURUT PERSPEKTIF
ISLAM.

BAB KEDUA

2.1 Pertanian Menurut Perspektif Islam.

Pertanian merupakan satu kegiatan yang menggunakan bumi secara langsung, samada pertanian dalam bentuk bercucuk tanam mahu pun dalam bentuk ternakan.⁽¹⁾ Apa yang telah diciptakan dibumi dan dilangit adalah semata-mata untuk manusia.Firman Allah;

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعاً ثُمَّ أَسْنَوَ إِلَيْ
السَّمَاوَاتِ فَنَوَّهْنَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِلِسْتِ عَلِيمٍ

Maksudnya;

Dialah yang menjadikan segala yang ada dibumi untuk kamu dan Dia menciptakan langit, lalu dijadinya tujuh langit.Dan Dia maha mengetahui segala sesuatu.(2)

Firman Allah lagi;

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعاً مِنْهُ
إِنْ فِي ذَلِكَ لَذِكْرٌ لِقَوْمٍ يَنْفَكِحُونَ

Maksudnya;

Dan Dia menundukkan untukmu apa yang ada dilangit dan apa yang ada dibumi, semuanya sebagai satu rahmat daripadanya.Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir. (3)

Ayat-ayat di atas menunjukkan dengan jelas bahawa Allah telah menyediakan bumi dan langit untuk manusia.Menggunakan bumi ini sudah tentulah mengikut iradat bahkan suruhannya dan sepatutnya

mendapat ganjaran yang besar disisi Allah. Allah telah berfirman lagi;

هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَإِنْ تَعْمَلُوكُمْ فِيمَا فِي أَرْضِكُمْ فَإِنَّمَا تَعْمَلُونَ
ثُمَّ تُوَبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبَّكَ حَبِيبٌ لِّعِبَادِهِ

Maksudnya;

Dia telah menciptakan kamu dari tanah dan menjadikan kamu pemakmunnya, kerana itu mohonlah ampunannya dan kemudian bertaubatlah kepadanya. Sesungguhnya Tuhanmu amat dekat rahmatnya lagi memperkenankan doa hambanya. (4)

Ayat di atas menunjukkan bahawa manusia adalah bertanggungjawab untuk memakmurkan bumi ini. Istilah makmur itu tidak terhad hanya kepada menggunakan bumi untuk menghasilkan sesuatu yang berfaedah bagi manusia dalam bentuk pertanian, bahkan di dalam semua bentuk pemakmuran.

Kesemua ayat tadi menjelaskan bahawa pertanian adalah suatu proses yang menggunakan bumi dan menghasilkan faedah kepada manusia. Ianya dikira sebagai tanggungjawab yang mulia disisi Allah.

2.2 Hukum Menjalankan Pertanian Menurut Islam.

Hukum menjalankan pertanian menurut Islam adalah fardhu kifayah.⁽⁵⁾ Hukum ini diwajibkan ke atas ummah. Hukumnya berdosa jika tidak ada seorang pun di dalam ummah yang mengerjakannya. Jikalau ada seorang atau sebilangan orang yang mengerjakannya maka semua

anggota masyarakat akan terlepas dari dosa. Hukum ini diperlukan demi kelangsungan hidup seluruh masyarakat. Misalnya hukum-hukum perubatan, kejuruteraan, pentadbiran, akaun, seni bina dan sebagainya.

2.3 Dalil-Dalil Al-Quran Dan Sunnah Mengenai Pertanian.

Firman Allah;

أَفَلَمْ يَرَوْا مَا فِي الْأَرْضِ
أَنَّمَا تُرْزَقُونَهُ إِمَّا نَحْنُ الْمَالِكُونَ

Maksudnya;

Maka terangkanlah kepadaku tentang yang kamu tanam. Kamukah yang menumbuhkannya ataukah Kami yang menumbuhkannya. (6)

Firman Allah lagi;

وَفِي الْأَرْضِ قطْعَاتٌ مُّعَاوِنَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَنَارِقٍ وَخَيْرٍ
صَنْوَانٌ وَغَيْرِ صَنْوَانٍ وَيُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنَفَصِلُ بَعْضَهُ عَلَى
بَعْضٍ وَفِي الْأَرْضِ كُلِّيٌّ إِنْ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٌ لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Maksudnya;

Dan di atas bumi ini terdapat beberapa bahagian (negeri yang berdekatan) kebun anggur, tanam-tanaman dan pohon kurma yang berumpun dan yang tidak berumpun, disirami dengan air yang sama dan Kami lebihkan buahnya dari yang lain. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kamu yang berfikir. (7)

Firman Allah Lagi;

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ حَنَّاتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرٌ مَعْرُوشَاتٍ وَالْقُلْ وَالرَّبْع
مُخْتَلِفًا أَكْلَهُ وَالَّذِي يَقُولُ وَالرَّهَانِ مُتَشَابِرًا وَغَيْرٌ مُتَشَابِرَهُ كُلُّهُ
مِنْ ثُمَّهُ إِذَا امْتَرَ وَآتَوْهُ أَحْقَهُ يَوْمَ حِصَارِهِ وَلَا تُنْزَفُوا إِنَّهُ لَا يَحِبُّ
الْمُسْتَرْفِينَ

Maksudnya;

Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon kurma, tanaman-tanaman yang bermacam-macam buahnya zaitun dan delima yang serupa bentuk dan tidak sama rasanya. Makanlah dari buah-buah yang bermacam-macam itu bila ianya berbuah dan tunailah dihari memetik hasilnya dan janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan. (8)

Dari ayat-ayat Al Quran tersebut menunjukkan kepada kita bahwa pertanian merupakan salah satu daripada sumber rezeki yang halal di sisi Allah. Walaupun Allah tidak menyebutkan secara khusus mengenai pertanian tetapi daripada perkataan-perkataan seperti tanam-tanaman, kebun anggur, kurma, zaitun dan sebaginya, kesemua-nya ini mempunyai kaitannya dengan pertanian. Di samping itu Allah telah menjanjikan sesuatu yang baik jika sekiranya manusia itu mahu berusaha dengan keringatnya umpamanya mengcangkul tanah bagi mengeluarkan hasil pertanian. Allah telah menjadikan berbagai-bagai jenis buah dengan bentuk dan rasanya yang berlainan. Ini menunjukkan tanda-tanda kekuasaan Allah bagi mereka yang mahu berfikir. Allah berkuasa untuk menumbuhkan sesuatu hasil pertanian dan kepa-

da-Nyalah kita berserah.

Dalil-dalil Sunnah.

Rasulullah bersabda;

إنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَيَدُكُمْ فِسْلِيلٌ فَاسْتَطِعُ
الْأَقْوَمَ حَتَّى يَغْسِلَنَّ فَلَهُ بِذَلِكَ أَجْرٌ

Maksudnya;

Meskipun qiamat sudah terjadi sedang dalam tangan seorang kamu masih menggenggam biji benih kurma dan baginya masih ada waktu untuk menanamkannya, maka segeralah tanamkan biji benih itu. Baginya akan tetap mendapat pahala. (9)

Muhammad Quthub di dalam memberi huraian terhadap hadis ini menyatakan "Ya Tuhan! Haruskah ditanamkannya? dan apakah yang mesti ditanam itu? Biji benih kurma yang baru mendatangkan hasil setelah bertahun lamanya." (10) Padahal kehancuran dunia sudah pasti akan terjadi.

Ya Allah! Hanya Nabi Islam yang akan berhak menyatakan ini. Islam satu-satunya agama yang mungkin menggerakkan hati manusia untuk melakukannya. (11) Dan hanyalah Nabi Islam satu-satunya yang mungkin membawa petunjuk sedemikian dan akan memimpin manusia seluruhnya. Rasulullah bersabda;

أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأُمُورِ دُنْيَاكُمْ

Maksudnya;

Kamu lebih mengetahui cara-cara tentang urusan duniamu. (12)

Latar belakang hadis ini ialah ketika Nabi berjalan melawati kaum petani di Kota Madinah. Pada waktu itu kaum petani tersebut sedang mengawinkan (biji benih jantan dan betina) dari kurma. (13) Lalu Nabi pun menegur mereka; " Jika sekiranya mereka tidak mengawinkannya adalah lebih baik ". (14)

Kerana menduga ucapan Nabi adalah perintah wahyu dari Allah, maka mereka pun menghentikan cara mengawinkan yang sudah tradisional itu. Akibatnya segala kurma untuk tahun tersebut tidak mengeluarkan buah yang manis seperti biasa tetapi rasanya pahit tidak dapat dimakan.

Sewaktu persoalan ini disampaikan kepada Nabi, terjadilah dialog seperti berikut;

" bukankah Nabi yang mengatakan demikian "? (15) Nabi bersabda;

" Kamu lebih mengetahui cara-cara urusan duniamu ". (16)

Rasulullah bersabda lagi;

مَنْ مُسْلِمٌ إِنْ يَعْصِي رَبَّهُ فَإِنَّهُ
مَنْ هُوَ طَيْرٌ وَأَنْسَانٌ أَوْ حَرَمَةٌ الْأَكْلُ لَهُ بِهِ صَدْقَةٌ

Maksudnya;

Tak seorang Muslim pun yang bercucuk-tanam atau menanam sesuatu tanaman, lalu dimakan oleh seekor burung atau manusia atau haiwan yang lain kecuali adalah baginya merupakan sedeqah. (17)

Di dalam mentafsirkan hadis sahih Bukori ini, Al^c ini (العبي) berkata; Di dalam hadis ini terdapat kelebihan bercucuk-tanam. (18) Sesungguhnya pertanian merupakan sebaik-baik usaha dan dengannya memberi ganjaran untuk penanam dan petani. Sehingga jika ia bercucuk-tanam dan menjualnya ataupun ia menanam dan menjualnya adalah baginya sedeqah untuk diberi faedah kepada seluruh manusia dengan kekuatan keringatnya. Jika sekiranya ia melakukan untuk tujuan perniagaan atau perusahaan, maka hukumnya adalah harus. (19) Kebanyakan daripada kalangan sahabat melakukannya. (20)

2.4 Konsep Hak Milik Dalam Islam.

Allah telah menghalalkan hak milik di dalam batas-batas keduakan manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Allah telah mengharuskan hak milik umum dan hak milik khusus. Ini ditegaskan oleh firman-Nya;

وَإِذْ لَهُمُ الْأَرْضَ الْمَيْتَةَ أَحْيَنَا هَا وَأَخْرَجْنَا مِنْ حَبَّا
فِيهِ يَأْكُلُونَ . وَجَعَلْنَا خِرَاعَ جَنَّاتٍ مِنْ خَيْلٍ وَأَخْنَابٍ
وَخَنَّافِرًا مِنَ الْعَيْوَنِ :

Maksudnya;

Dan suatu tanda (kekuasaan Allah yang besar) bagi mereka adalah bumi yang mati. Kami hidupkan bumi itu dan Kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripadanya mereka makan. Dan Kami jadikan padanya kebun-kebun kurma dan anggur dan Kami pancarkan padanya beberapa mata air. (21)

Allah menetapkan bahawa bumi ini Dia wariskan dan boleh dijadikan hak milik berdasarkan firman-Nya;

وَأَوْنَاثُكُمْ أَصْحَمُ وَدِيَارُهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ وَإِنْهُمْ لَمْ يَظْهُرُوا
وَكَلَّ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya;

Dan Dia mewariskan kepada kamu tanah-tanah, rumah-rumah dan harta benda mereka, dan begitu pula tanah yang belum kamu injak. Dan Allah Maha kuasa terhadap segala sesuatu. (22)

Selain daripada itu pemilikan bumi adalah menjadi fitrah manusia sejak azali lagi. Ini diakui oleh Al Quran;

أَوْلَمْ يَرَوْا إِلَىٰ أَنَّهُنَّ كُمْ أَبْتَغَيْتُمْ
مِنْ كُلِّ نَعْجَنْ حَسِيمٍ

Maksudnya;

Dan apakah mereka tidak memperhatikan bumi berapa banyakkah Kami tumbuhkan di bumi itu pelbagai macam tumbuh-tumbuhan yang baik. (23)

Berdasarkan kepada ayat-ayat Al Quran di atas jelaslah bahawa Allah telah menghalalkan proses hak milik selaras dengan kedudukan manusia sebagai Khalifah di atas muka bumi ini. Walaupun begitu proses pemilikan ini hendaklah diatur dan diselaraskan berlandaskan konsep Islam yang syumul.

2.4.1 Hak Milik Umum Dalam Islam.

Hak milik umum ialah harta yang dikhususkan untuk kepentingan umum atau kepentingan kaum Muslimin.⁽²⁴⁾ Hal ini berlainan dengan hak milik khusus di mana faedahnya hanya untuk individu tertentu sahaja, orang lain tidak ada hak untuk mendapat faedah daripadanya. Hak milik umum ini biasanya meliputi hak milik umum di dalam sebuah negara umpamanya jalanraya, aliran-aliran sungai dan sebagainya.

Negara Islam telah mengakui hak milik ini sejak awal sejarahnya dalam berbagai-bagai bentuk. Secara ringkasnya dibicarakan dalam dua bentuk berikut kerana kedua-duanya mempunyai pengaruh yang besar ke atas pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Pertama: Tanah Suaka (الذرخ)

Tanah suaka dimaksudkan sebidang tanah yang diuruskan oleh pemerintah, khususnya dimanfaatkan untuk kaum Muslimin.⁽²⁵⁾ Dengan itu tanah ini menjadi hak milik umum dan tidak boleh digunakan untuk milik khusus samada secara sebahagian atau keseluruhan.

Dalam negara Islam, Rasulullah pernah disuakakan tanah Naqi' (نقى) dan digunakan sebagai tempat untuk mengumpul kuda-kuda kaum Muslimin.

Saidina Umar bin Al Khattab pernah mensuakakan sebidang tanah

di Rubdzah (رُبْذَة), dimana rumputnya digunakan bagi kaum Muslimin yang miskin untuk diberikan kepada binatang ternakan mereka. Bagi golongan kaya mereka dilarang daripada menggunakannya.

Pensuakaan daripada Rasulullah dan seterusnya Saidina Umar bin Al Khattab membuktikan tentang adanya hak milik umum di dalam Islam. Dengan adanya tanah tersebut maka ia menjadi milik jema'ah kaum Muslimin untuk menggunakannya bagi kemanfa'tan bersama.

Kedua: Tanah-tanah ladang terbuka.

Apabila penaklukan ^cRaq dan Syam telah sempurna para tentera yang terlibat dengan perang tersebut menuntut agar tanah-tanah negara itu diberikan kepada mereka sesuai dengan hukum harta rampasan perang. Amirul Mu'minin Saidina Umar berpendapat agar tanah-tanah itu dihukumi dengan hukum harta rampasan perang tetapi ia tidak dibahagikan-bahagikan kepada para tentera yang ikut berperang tetapi tetap ditangan pemiliknya. Permintaan mereka ke atas tanah-tanah tersebut bukan bermaksud memiliki tetapi merupakan permintaan khusus. Maksudnya di sini, mereka hanya memiliki hasilnya dipandang sebagai pajak tanah dan tidak memiliki hak penjagaan. Hak milik mereka atas hasil tanpa memiliki hak penjagaan tidak menghalang mereka daripada menggunakan hasil tersebut seperti ber-jual-beli, menyewakannya atau menyerahkannya sebagai muzara'ah. ^c(26)

Sedangkan tanah-tanah di ^cRaq dan Syam adalah milik umat

Islam atau seluruh kaum Muslimin. Dalam menerangkan sebab-sebab di atas, Saidina Umar mendasarkan pendapatnya "seandainya tanah tersebut dibahagi-bahagikan maka tidak akan tinggal tanah itu sedikit pun bagi orang-orang selepas kamu. Maka bagaimanakah halnya dengan kaum Muslimin yang akan datang. Jelas di sini, bahawa tanah yang ditakluki di Craq dan Syam bukannya dibahagi-bahagikan menurut hukum harta rampasan perang tetapi merupakan hak milik umum bagi kepentingan bersama.

2.4.2 Hak Milik Khusus Dalam Islam.

Pengakuan tentang hak milik khusus, peraturan dan pemeliharaannya.

Islam berpendapat manusia adalah makhluk yang memiliki dorongan-dorongan yang merupakan fitrah semula jadi. Di antara dorongan-dorongan tersebut ialah ingin memiliki kekayaan dan menyukai harta benda. Inilah yang mendorong manusia melakukan berbagai-bagai usaha supaya matlamatnya tercapai. Pengakuan tentang adanya dorongan ini banyak sekali terdapat di dalam nas-nas Al Quran dan Sunnah. Misalnya firman Allah;

وَتَأْكُنُ التِّرَاثُ أَكْلَدُ لَا وَيَحْبُونَ الْمَالَ حِبَا

Maksudnya;

Dan kamu memakan harta pusaka dengan cara mencampur-baurkan yang halal dan yang haram dan kamu mencintai harta benda dengan kecintaan yang berlebihan. (27)

Ini diikuti oleh sabda Rasulullah;

لو كان لابن آدم واديان من مال لا يتحقق واديا ثالثا
ولا يملا جوف ابن آدم الا التراب ويغتوب الله على
من تاب .
Maksudnya ;

Maksudnya;

Seandainya anak Adam mempunyai dua lembah berisi harta pasti ia masih mencari juga lembah ketiga yang lain. Pada hal yang menuhi perut Anak Adam tidaklah lain dari tanah belaka. Tetapi Allah memberi taubat kepada mereka yang mahu bertaubat. (28)

Penghormatan Islam terhadap hak milik akan nampak jelas dalam penghormatannya terhadap harta benda yang merupakan tumpuan hak milik ini.⁽²⁹⁾ Penghormatan terhadap harta ini seperti berikut:

- (1) Syari'at menganggap harta termasuk lima tujuan yang wajib dijaga dan dipelihara. Lima tujuan itu ialah agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta.⁽³⁰⁾
- (2) Syari'at mencegah sesiapa pun daripada melanggar ketentuan atas harta tersebut dengan apa cara sekalipun. Sabda Rasulullah:

كُلُّ الْمُسَمَّدِ عَلَى الْمُسَلِّمِ حَرَامٌ عَرْضَةٌ وَمَالٌ وَدَمٌ

Maksudnya;

Semua Muslim atas Muslim lainnya adalah haram kehormatannya, harta dan darahnya. (31)

Syariat tidak hanya memberi ketentuan dengan nas-nas yang masih umum sahaja tetapi dijelaskan juga ketentuan-ketentuan khusus. Maka Islam mengharamkan mengambil harta orang secara tidak

benar. Ini berdasarkan firman Allah;

وَلَا تُنْهِيَا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتَدْعُوا رِبَاعًا إِلَى الْحَكَمِ
لَتَأْكُلُوا خَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْأَمْمَ وَإِنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya;

Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa urusan harta itu kepada Hakim supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan jalan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui. (32)

Di samping itu juga Islam mengharamkan secara khusus perbuatan mencuri dan pembalasan yang akan diterima oleh pencuri. Firman Allah;

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا
كَسْبًا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya;

Laki-laki dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan ke-duanya sebagai pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (33)

Cara-cara memperolehi hak milik.

Hak milik khusus biasanya dapat diperolehi dengan cara-cara berikut: (34)

1. Bercucuk-tanam.

2. Menghidupkan tanah-tanah mati.
3. Dengan cara mewarisi ataupun wasiat.

Bercucuk-tanam.

Islam sejak empat belas abad yang lalu telah menyeru dan menganjurkan kaum Muslimin bercucuk-tanam.⁽³⁵⁾ Dengan bercucuk-tanam manusia akan memperolehi keperluan asasi mereka seperti beras, gandum dan sebagainya dan sehingga ke hari ini bumi masih lagi merupakan sumber utama bagi keperluan bahan-bahan makanan. Perhatian dan anjuran Islam kepada bercucuk-tanam ini dilihat daripada Hadis Rasulullah;

مَاهِنْ مُسْلِمٌ يَغْرِسْ غَرْسًا أَوْ يَنْتَعِنْ بِحَافِنَاتٍ
مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ انسانٌ أَوْ حِمَةٌ الْأَكَانُ لَهُ صَدَقَةٌ

Maksudnya;

Tak seorang Muslim pun yang bercucuk-tanam atau menanam sesuatu tanaman, lalu di makan oleh seekor burung atau manusia atau haiwan lain kecuali adalah baginya merupakan sedeqah.⁽³⁶⁾

Daripada hadis di atas jelaslah bahawa orang bercucuk-tanam adalah ia bersedeqah terus menerus. Sebab sangat jarang, bahkan tidak mungkin ketika ia menanam suatu tanaman pun yang tidak di makan oleh burung, manusia atau haiwan lain.

Usaha dengan cara bercucuk-tanam merupakan satu penyerahan kepada Allah kerana setelah seseorang itu melaksanakan kewajipannya mengolah tanah, menabur biji benih serta mengairinya, maka

Keuntungannya itu datang daripada Allah yang menumbuhkan benih dan biji-bijian.

Menghidupkan tanah-tanah mati.

Tanah-tanah mati adalah tanah-tanah yang tidak sesuai untuk tanaman kerana bekalan air tidak ada atau tanah itu pada asalnya memang tidak sesuai untuk bercucuk-tanam. (37)

Untuk menghidupkannya kembali ialah dengan cara mengubahnya supaya ianya sesuai untuk bercucuk-tanam. Jika sekiranya bekalan air tidak ada, maka kawasan tersebut hendaklah diusahakan supaya bekalan air dapat diadakan. Begitulah juga jika sekira tanahnya tidak mempunyai potensi untuk bercucuk-tanam, maka usaha hendaklah dilakukan misalnya diberikan bahan-bahan penyubur.

Tanah itu dianggap mati dengan syarat ianya tidak dimanfa^c-
atkan dengan apa cara sekalipun umpamanya tanah itu berhampiran
dengan kota ataupun desa, lalu tanah itu diambil oleh penduduk
kawasan tersebut dijadikan sebagai tempat permainan. Oleh kerana
itu sebahagian ulama' feqah mensyaratkan bahawa tanah tersebut
hendaklah jauh daripada orang ramai agar ianya tidak dapat diang-
gap sebagai salah satu tempat yang dimanfa^cat bersama. Menghidupkan
kembali tanah-tanah mati adalah wajib ke atas orang yang mampu
menghidupkannya apabila tanah itu bukan hak milik perseorangan. (38)

Hal yang perlu diingat ialah menghidupkan tanah-tanah mati

merupakan penyebab untuk tanah itu dimiliki. Berdasarkan hal ini kebanyakan negara mendapatkan tanah yang tidak bertuan dengan cara memagarinya iaitu dengan memasang pagar di kelilingnya, keadaan seperti ini tidaklah cukup untuk mendapat hak milikinya meskipun orang yang memagarinya merupakan orang yang pertama menghidupkannya. Tetapi hak orang yang pertama itu hanya dapat bertahan selama tiga tahun. Jika tempoh yang diberikan itu tidak digunakan untuk menghidupkannya, maka tanah tersebut hendaklah diserahkan kepada orang lain. Ini berdasarkan Hadis Rasulullah;

مَنْ أَحْيَا أَرْضًا مِيتَةً فَرِيلَهُ وَلَيْسَ لِمُتَحْرِّقٍ بَعْدَ تَلَاثٍ سِنِينَ

Maksudnya;

Barang siapa menghidupkan sebidang tanah mati, maka tanah itu menjadi miliknya. Dan tidak berhak milikinya orang yang sekadar memagarinya dengan tembok setelah tiga tahun. (39)

Para ulama' feqah berpendapat menghidupkan tanah mati merupakan sebab untuk memiliki. Tetapi apakah untuk menghidupkan tanah mati disyaratkan mendapat izin terlebih dahulu daripada pemerintah?

Dengan bersandarkan kepada ketentuan-ketentuan umum daripada Hadis Rasulullah, Imam Shafie, Imam Ahmad, Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad berpendapat menghidupkan tanah mati tidak memerlukan keizinan daripada pemerintah. (40) Hanya Imam Abu Hanifah sendiri yang berpendapat menghidupkan tanah mati memerlukan keputusan Hakim dan pemerintah. (41)

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa pemerintah berhak untuk campurtangan memandangkan kepada cara menghidupkannya. Dalilnya orang yang memagari sebidang tanah mati, tetapi tidak mampu untuk menghidupkannya, maka pemerintah berhak untuk menuntutnya supaya dapat menghidupkan tanah tersebut ataupun diserahkan kepada orang lain.

Pengarang kitab Al Mughni memberi jawapan atas pendapat Imam Abu Hanifah katanya "Kita punya alasan atas pendapat Imam Abu Hanifah berdasarkan sabda Rasulullah yang lebih umum;

من أحيا أرضه فهو ماله

Maksudnya;

Barang siapa menghidupkan sebidang tanah, maka tanah itu menjadi miliknya. (42)

Di samping itu tanah tersebut adalah barang yang dibolehkan. Maka untuk memilikinya tidak memerlukan keizinan daripada pemerintah seperti pengambilan rumput dan kayu bakar. Di dalam persoalan tentang tanah mati sesiapa yang dahulu mendapatkannya dialah yang paling berhak memilikinya seperti pengambilan rumput, kayu bakar dan buah-buahan yang halal di gunung-ganang. (43)

Pandangan ataupun keizinan daripada pemerintah adalah penting bukan dalam soal memiliki tetapi untuk mencegah daripada terjadi perebutan di antara sesuatu pihak sehingga tidak ada pihak

yang melanggar hak atas suatu pihak yang lain.Pendapat ataupun pandangan Imam Abu Hanifah lebih sesuai untuk diikuti khususnya pada zaman sekarang memandangkan kepada perselisihan dan pencerobohan hak milik orang lain.Di sinilah pentingnya campurtangan pihak pemerintah di dalam soal menghidupkan tanah mati supaya generasi sekarang dapat hidup di dalam keadaan aman dan tenteram.

Pusaka dan wasiat.

Islam tidak beranggapan bahawa hak milik khusus itu semata-mata kepunyaan pemiliknya sahaja.Oleh sebab itu Islam menentukan cara-cara pemindahan hak milik setelah pemiliknya meninggal dunia kepada orang-orang yang tertentu umpsamanya anak-anak, isteri dan sanak-saudaranya.Dalam hal ini Rasulullah bersabda;

من ترك مالاً أو حقاً فلورثته

Maksudnya;

Barang siapa meninggalkan harta atau hak (hutang) maka ahli warisnya yang berhak. (44)

Sistem harta pusaka yang diatur oleh Islam mempunyai banyak pengaruh ekonomi di dalamnya.Sistem ini membawa kepada pengagihan kekayaan secara adil, berlangsung tanpa menimbulkan kekerasan dan pemberontakan.Dengan sistem harta pusaka ini dapat mencegah dari pada berlakunya pemusatan kekayaan di kalangan individu yang tertentu.Islam tidak beranggapan bahawa harta peninggalan itu harus berhenti kepada orang-orang lelaki sahaja atau anak lelaki saha-

ja seperti yang ditetapkan oleh undang-undang barat.⁽⁴⁵⁾ Tetapi ia menetapkan bahagian-bahagian tertentu supaya pengagihan yang dilakukan adalah adil mengikut status mereka dengan simati. Dengan demikian Islam memberi kesempatan dapat berpindahnya hak milik daripada suatu pihak ke pihak yang lain. Maka Islam merupakan satu-satunya sistem pembahagian harta pusaka secara rela dan bersarakan pilihan.

Islam tidak membolehkan kepada pemilik kekayaan untuk memberikan wasiat kecuali satu pertiga daripada keseluruhan hartanya.⁽⁴⁶⁾ Hal ini berlainan jika dibandingkan dengan undang-undang barat yang membolehkan memberi wasiat keseluruhan hartanya dan dikhaskan untuk seorang individu sahaja. Hukum Islam mengenai wasiat ini sangat mudah difahami dan menurut logik akal pembahagian kekayaan akan dapat diagihkan dengan betul. Jika sekiranya diizinkan memberi wasiat dengan seluruh harta kekayaan, maka kaedah-kaedah soal harta pusaka tidak ada erti lagi. Dan ini akan memungkinkan orang keluar daripada kaedah-kaedah ini dengan cara memberi wasiat. Apabila hal ini terjadi maka sistem pusaka dalam Islam akan hilang tujuannya ke arah pembentukan pemilikan harta kekayaan secara adil dan saksama.

Kerana pentingnya kaedah-kaedah harta pusaka ini, maka Islam mengharamkan setiap tindakan yang membawa kepada pengurangan kaedah-kaedah ini. Sesiapa yang berusaha untuk menentangnya akan mene-

rima siksaan yang pedih di akhirat nanti.Firman Allah;

تَلَكَ حَدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يَطْعُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يَدْخُلُهُ جَنَّاتٍ خَرَى
مَنْ تَحْتَهَا الْأَرْضُ إِنَّ الْجَنَّاتَ لِلْعَظِيمِ وَمَنْ يَعْصِ
اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدُّ حَدُودُهُ يَدْخُلُهُ نَارًا حَالِدًا فَإِنَّهُ وَلَهُ
عَذَابٌ مُّهِمٌّ .

Maksudnya;

Hukum-hukum tersebut adalah ketentuan-ketentuan Allah. Barang siapa taat kepada Allah dan Rasul-Nya, nescaya Allah memasukkannya ke dalam syurga yang mengalir di dalamnya sungai-sungai sedang mereka kekal di dalamnya dan itulah kemenangan yang besar. Dan barang siapa yang menyerahkan Allah dan Rasul-Nya dan melanggar ketentuannya nescaya Allah memasukkannya ke dalam neraka sedang ia kekal di dalamnya dan baginya siksaan yang menghinakan. (47)

Pembahagian Islam tentang harta pusaka ini terdiri daripada tiga perkara pokok: (48)

1. Islam memberikan harta pusaka kepada keluarga yang terdekat tanpa dibezakan antara kecil dan besar. Keluarga yang terdekat akan menerima bahagian yang besar dalam pembahagian harta pusaka menurut Islam.
2. Islam memberikan perhatian terhadap keperluan seseorang. Setiap kali keperluan itu besar maka ianya akan mendapat bahagian yang besar. Itulah rahsia mengapa anak-anak mendapat bahagian yang lebih besar daripada ibu bapa. Sebab anak-anak akan menghadapi

kehidupan yang baru yang memerlukan perbelanjaan yang besar. Begitulah juga mengapa laki-laki mendapat bahagian yang lebih daripada perempuan kerana tanggungjawab dan kewajipan laki-laki lebih berat daripada perempuan.

3. Allah telah menetapkan undang-undang yang bijak di dalam pembahagian harta pusaka. Oleh kerana itu ia tidak menganggap hanya seorang sahaja pewaris yang mutlak di dalam pembahagian harta pusaka.

Jaminan Islam terhadap hak milik khusus.

Di dalam kawalan hak milik khusus, Islam telah mengharuskan bagi pemilik mempertahankan haknya dengan segala jenis pertahanan yang ada biarpun nanti akan membawa kepada terbunuhnya si penceraiboh.⁽⁴⁹⁾ Pemilik tidak akan dikenakan hukuman qisas kerana pembunuhan itu. Kiranya si pemilik yang mempertahankan harta itu mati, maka kematiannya adalah dianggap syahid kerana Rasulullah telah bersabda;

مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَرِحَ بِتَقْبِيْدِهِ

Maksudnya;

Sesiapa yang mati kerana mempertahankan hartanya maka kematiannya adalah sebagai seorang syahid. (50)

Bahkan lebih daripada itu Islam melarang seseorang itu memandang kepada hak orang lain dengan perasaan penuh keinginan. Firman Allah;

وَلَا تَمْدُنْ عَيْنِكَ إِلَى مَا تَعْنَى بِهِ أَنْ وَاجِهَ
مِنْهُمْ زَرْعَةَ الْمَيَاهِ الدِّينِيَّةِ التَّعْتِيرِ حِفْظٌ
وَرِزْقٌ رِّبُّكَ حِيْرَةٌ وَابْقَى

Maksudnya;

Dan janganlah kamu tujukan kedua matamu kepada apa yang telah Kami berikan kepada golongan-golongan dari mereka, sebagai bunga kehidupan dunia untuk Kami cuba mereka dengannya. Dan kurnia Allah adalah lebih baik dan lebih kekal. (51)

Daripada huraian di atas jelaslah kepada kita bahawa Islam sangat mengambil berat dan memberikan perhatian yang serius terhadap hak milik khusus.

2.5 Konsep Pemilik Sebenar.

Di dalam Islam, hak milik mutlak adalah kepunyaan Allah. Ini berdasarkan firman Allah;

وَلَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا يَنْهَا

Maksudnya;

Kepunyaan Allahlah kerajaan di langit dan di bumi dan apa yang ada di antara kedua-duanya. (52)

Peranan manusia sebagai pemilik hanyalah sebagai pemegang amanah dan khalifah Allah di dunia ini. Ini ditegaskan di dalam Al Quran, firman-Nya;

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلْلًا فَامْشُوا فِي
هَنَاءٍ بِرَبِّكُمْ وَكُلُوا مِنْ نَعْقَدِهِ وَالَّتِي أَنْتُمْ تَشْوَرُونَ

Maksudnya;

Dialah yang menjadikan bumi ini mudah bagi kamu sekalian maka berjalanlah disegenap penjurunya, dan makanlah dari rezekinya dan kepada-Nyalah tempat kembali. (53)

Di samping hak milik mutlak Allah atas seluruh alam semesta ini namun pada waktu yang sama Allah juga memberi manusia hak milik relatif atas harta benda di alam semesta ini. Firman Allah;

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَراً إِمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيمًا
وَإِنْ هُمْ بِهِمْ بِغِرَبٍ وَالسُّوْهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قُولًا مَعْرُوفًا

Maksudnya;

Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) dan kamu sendiri dijadikan Allah sebagai pemeliharanya. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka dengan kata-kata yang baik. (54)

Firman Allah:

فَإِنْ لَمْ تَفْعُلُوا فَإِذْنُوا بِحُبِّ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ
تَبْخَمْ فَلَكُمْ رُؤُسُ امْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تَظْلِمُونَ

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلْلًا فَامْشُوا فِي
هَنَاءٍ بِرَبِّكُمْ وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَاذْكُرُوهُ

Maksudnya;

Dialah yang menjadikan bumi ini mudah bagi kamu sekalian maka berjalanlah disegenap penjurunya, dan makanlah dari rezekinya dan kepada-Nyalah tempat kembali. (53)

Di samping hak milik mutlak Allah atas seluruh alam semesta ini namun pada waktu yang sama Allah juga memberi manusia hak milik relatif atas harta benda di alam semesta ini. Firman Allah;

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَراَءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَاماً
وَإِنْ هُمْ بِغَيْرِ الْمُسْوَمِ وَقُولُوا إِنَّمَا قُولُوا مَعْرُوفًا

Maksudnya;

Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) dan kamu sendiri dijadikan Allah sebagai pemeliharanya. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka dengan kata-kata yang baik. (54)

Firman Allah:

فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَإِذْنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ
تَبْخِمُ فَلَكُمْ رِزْقُهُمْ إِنَّمَا الظُّلْمُ لِأَنَّهُمْ لَا يَظْلِمُونَ

Maksudnya;

Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa itu) maka ketahuilah bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba) maka bagimu pokok hartamu, kamu tidak menganiaya dan tidak pula dianiaya. (55)

Firman Allah lagi:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتَدْلُوا بِرَءَاهٍ إِلَى الْحَكَامِ
لَا تَأْكُلُوا فِرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْأَثْمِ وَإِنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya;

Dan janganlah kamu sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa urusan harta itu kepada Hakim supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain dengan jalan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui. (56)

Dari ayat-ayat al-Quran dapat disimpulkan disamping hak milik mutlak Allah, hak milik khusus diakui, dihormati dan dilindungi keselamatannya. Batasan yang tegas tentang hak milik relatif manusia tidak terdapat di dalam al Quran ataupun hadis Nabi. Yang ada hanyalah peraturan tentang cara memperolehi dan membelanjakannya, kepentingan masyarakat dan berbagai kewajiban yang dibebankan pada milik perseorangan (khusus).

Masalah tersebut di atas sebenarnya tidak harus dilepaskan kaitannya dengan konsepsi yang dianuti tentang hak milik itu sendiri. Deklarasi Dunia tentang hak-hak asasi manusia pasal 17 menegaskan bahawa:

- setiap orang berhak mempunyai hak milik sendiri ataupun bersama-sama dengan orang lain dan⁽⁵⁷⁾
- seseorang pun tidak boleh dirampas miliknya dengan semena-mena.⁽⁵⁸⁾

Jelaslah dan tidak boleh disangkal lagi bahawa hak milik adalah keperluan yang penting di dalam kehidupan manusia.

Konsep pemilik sebenar ini akan dapat difahami dengan lebih jelas apabila kita memahami konsep manusia sebagai khalifah Allah di atas mukabumi ini.⁽⁵⁹⁾ Dengan qudrat dan iradatnya Allah mempunyai tujuan tertentu mencipta manusia iaitu untuk berbadah kepada-Nya. Allah telah menentukan peranan dan tanggungjawab manusia terhadap clam dan kekayaan-Nya. Allah telah memberi hak kepada manusia untuk memiliki dalam bentuk amanah dan kebebasan manusia menggunakan kekayaan dari miliknya adalah terbatas pada lingkungan ajaran-ajaran Allah semata-mata.

Membangun dan mengolah sumber-sumber tabi'i sehingga bahan-bahan tabi'i yang terdapat di muka dan di perut bumi yang boleh dimanfaatkan bagi kehidupan manusia adalah merupakan satu kewajipan. Di dalam al Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menekankan kedua-dua

dukan dan tugas manusia sebagai khalifah Allah. Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ أَنْ جَاعِلُ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya;

Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Maláikat:
Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di atas mukabumi ini. (60)

Firman Allah lagi:

عَنِّي بِكُمْ أَنْ يَرِيكُ عَدُوَّكُمْ وَسَخْلَافَكُمْ فِي الْأَرْضِ فَيُنَظَّرَ لَيْفَ تَعْلُومُونَ

Maksudnya;

Mudah-mudahan Tuhan kamu akan membinasakan musuh kamu dan menjadikan kamu khalifah di atas mukabumi, kemudian Dia akan mengawasi perilaku kamu. (61)

2.6 Bentuk Organisasi Perniagaan Pertanian.

Secara umumnya, feqah membahagikan bentuk organisasi perniagaan dalam bidang pertanian kepada dua bahagian;

1- Mudharabah (Profit lost sharing)

Mudharabah ialah satu bentuk perniagaan yang menggabungkan antara pemodal (Rabb-ul-Mal) dan pengusaha (Mudarrib). Dalam kontrak ini pemodal berkongsi dengan usahawan dalam satu projek perniagaan pertanian. Sebagai rakan kongsi perniagaan, keuntungan perniagaan akan dikongsi bersama berasaskan nisbah perkongsian

untung yang telah ditentukan terlebih dahulu.

Sistem mudharabah ini amat praktikal bagi mereka yang memiliki modal dan tidak berkemampuan untuk memusingkannya dan di samping itu ia amat praktikal bagi mereka yang memiliki kemahiran tetapi tidak memiliki modal. Melalui sistem mudharabah kedua-dua pihak dapat digabungkan secara bersama bagi sesuatu perniagaan yang menguntungkan.

Mudharabah mengikut hukum adalah harus bersandarkan ijma' ulama'. (63) Rasulullah pernah melakukan mudharabah dengan Khadijah. Beliau telah pergi ke Syam dengan membawa modal tersebut untuk diperagiakan. Hal ini berlaku sebelum Baginda diutuskan menjadi Rasul. Sebaliknya Islam mengharamkan riba dalam segala bentuk kegiatan ekonomi. Ini jelas ditegaskan dalam firman Allah:

وَاحْلُ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحْرَمَ الرِّبَا

Maksudnya;

Pada hal Allah menghalalkan juai beli dan mengharamkan riba. (64)

Dan firman Allah lagi:

يَا أَيُّهُ الَّذِي آتَى النَّاسَ كُلَّا مَا رَبَوْا أَصْنَافًا مُضْعَفَةً
وَأَتَقْوِيَ اللَّهُ لِعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ

Maksudnya;

Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-

ganda dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya. (65)

Keadaan ini berbeza dengan sistem riba yang terlebih dahulu menentukan jumlah bayaran bunga. Dalam mudharabah nisbah keuntungan ditentukan dahulu. Perbezaan di antara kedua kaedah ini boleh dijelaskan seperti berikut:

Sistem Riba	Peminjam	= \$50,000
	Kadar bunga	= 10%
	Bayaran bunga	= \$5,000 setahun.

Peminjam wajib membayar \$5,000 setahun walaupun mengalami kerugian perniagaan.

Sistem		
Mudharabah	Modal	= \$50,000.
	Nisbah pembahagian untung	= 60% untuk pemodal.
		= 40% untuk usahawan.
	Jikalau perniagaan untung	= \$20,000.
	Pulangan kepada pemodal	= 0.6 X \$ 20,000
		= \$ 12,000.
	Pulangan kepada usahawan	= 0.4 X \$ 20,000
		= \$ 8,000.

Jikalau perniagaan rugi:

Pemodal menampung semua kerugian iaitu modalnya mengalami kejatuhan dari \$ 50,000 ke \$ 30,000 (\$ 50,000 - \$ 20,000). Usahawan tidak menerima sebarang pulangan iaitu usahanya tidak membawa sebarang hasil.

Dalam sistem mudharabah, kontrak perniagaan adalah diasaskan kepada perkongsian untung rugi. Ini adalah berbeza dengan sistem bunga yang mana kontrak perniagaan (pemodal dan peminjam) disandarkan kepada penentuan terdahulu bayaran modal iaitu bunga. Ini bermakna dalam kontrak riba pulangan kepada pemodal telahpun dimeterikan sebelum bermula perniagaan. Keadaan ini sudah tentu memberi tekanan besar kepada peminjam yang belum tentu berjaya dalam perniagaan tersebut. Ini adalah kezaliman dalam sistem riba.

Di dalam perniagaan, kaedah "Al Ghunum Bil Gharam" atau "ada untung ada ruginya" menegaskan risiko serta kerugian dalam pembuatan keputusan mengenai perniagaan. Kewajipan adalah satu kesetian supaya terdapat satu perkongsian risiko dalam bebanan perniagaan selain dari keuntungan oleh pihak-pihak yang terlibat. Prinsip ini diperkuatkan dengan kaedah fiqh yang lain iaitu "Tanggungan atau risiko adalah berkadar kepada faedah atau keuntungan dan Faedah atau keuntungan adalah berkadar dengan tanggungan atau risiko. Kedua-dua prinsip ini sebenarnya mahukan supaya keadilan wujud di dalam proses pengagihan pendapatan yang mampu

nemenuhi kepentingan umum.

2- Musyarakah (Partnership)

Musyarakah ialah satu bentuk perkongsian estet pertanian di mana modalnya datang dari banyak pihak dengan persetujuan bahawa keuntungan dirasa bersama dan jika sekiranya berlaku kerugian maka iaanya ditanggung secara bersama. (66)

Modal yang disumbangkan tidak semestinya berupa wang tetapi harta benda yang bernilai atau yang boleh dinilai dengan wang boleh dijadikan modal sumbang. (67) Semua modal yang dikumpul dari para penyumbang hendaklah disatukan sehingga ia menjadi modal bersama untuk projek-projek yang telah dipersetujui.

Dari segi teorinya semua penyumbang modal berhak memberi khidmat pengurusan tetapi adalah tidak salah dari segi syara^c bahawa pengurusan projek sebaik-baiknya dikendalikan oleh penyumbang-pen-nyumbang modal yang berpengalaman ataupun oleh pengurus-pengurus profesional yang dilantik oleh penyumbang-pen-nyumbang modal.

Musyarakah lebih terkenal di dalam kitab-kitab feqah sebagai syarikat al-inan. Perbezaan asas syarikat al-inan dengan mudharabah ialah mudharabah dibiayai oleh pemodal dan kerja-kerja projek dilakukan oleh orang lain. Sedangkan musyarakah atau syarikat al-inan kerja-kerja projek dilakukan oleh penyumbang-pen-nyumbang modal itu sendiri.

Dalam sejarah Islam, Rasulullah pernah menggabungkan golongan Ansar yang memiliki tanah dan ladang dengan golongan Muha-jirin dalam projek-projek pertanian yang berbentuk perkongsi-an. (68)

Contoh kontrak Musyarakah adalah seperti berikut. Di sini semua pihak menyumbangkan modal dan perkongsian untung diasaskan dari nisbah sumbangan modal. Dalam syarikat XYZ jumlah modal ialah \$ 100,000 di mana Ali telah menyumbang modal sebanyak \$ 20,000 atau 20%. Sekiranya untung sebanyak \$ 50,000, maka Ali berhak menerima $20\% \times \$ 50,000$ iaitu sebanyak \$ 10,000 sebagai bahagian keuntungannya.

Di dalam kitab-kitab feqah para ulama' mencadangkan jenis-jenis perkongsian pertanian yang selari dengan syariat Islam ialah seperti berikut:

- (i) Syarikat al-inan (شركه عنان).
- (ii) Syarikat Mufawadah (شركه مفاظة).
- (iii) Syarikat al Abdan atau Sina'i (شركه صناعي).
- (iv) Syarikat al Wujuh (شركه الوجوه).

Erti Syarikat secara umum.

Syarikat ertinya suatu perjanjian kerjasama di antara dua orang atau lebih yang menghendaki tetapnya bersama dalam sesuatu usaha atau perniagaan. (69) Ini membawa maksud dua orang atau lebih

bersyarikat di dalam jumlah harta yang tertentu di mana tujuannya ialah untuk memperolehi keuntungan secara bersama.

Syarat-syarat syarikat⁽⁷⁰⁾

- (a) Kejujuran di antara kedua belah pihak.
- (b) Terdapat perjanjian bertulis atau lisan.
- (c) Kedua belah pihak dalam keadaan dewasa.
- (d) Boleh diatur adanya bentuk keuntungan yang disesuaikan dengan jumlah modalnya.
- (e) Tidak ada pembatasan waktu.

Seterusnya akan dibicarakan jenis-jenis syarikat yang diharuskan oleh syariat Islam:

(i) Dimaksudkan dengan syarikat al-inan iaitu aqad dari dua orang atau lebih untuk bersyarikat pada harta yang ditentukan oleh keduanya dengan maksud mendapat keuntungan dan keuntungan itu untuk mereka yang bersyarikat.⁽⁷¹⁾ Ulama bersepakat menyatakan hukumnya harus. Sabda Rasulullah:

أنا ثالث الشركين ما لم يحن احدهما صاحبه
خادعه خرجت من بيتهما

Maksudnya;

Saya adalah orang yang ketiga dari dua orang yang bersyarikat selama salah seorang diantaranya tidak mengkhianati yang lain, maka apabila berkhianat salah seorang di antara keduanya saya keluar dari persyarikatan keduanya. (72)

(ii) Syarikat Mufawadah.

Iaitu berkongsi usaha dan harta di dalam sesuatu pekerjaan dan masing-masing ahli akan membayar sekiranya berlaku kerugian. (73) Syarikat ini menurut Mazhab Hanafi dan Malik adalah harus manakala menurut Mazhab Shaf'i dan Hambali adalah batal.

(iii) Syarikat al Abdan atau Sina'i.

Iaitu berkongsi tenaga dan usaha dalam menjalankan sesuatu pekerjaan dengan dibahagi sama pendapatan atau keuntungannya. (74) Hukum menjalankan syarikat ini adalah harus menurut Mazhab Maliki jika di dalam pekerjaan yang sama jenisnya manakala Mazhab Hanafi berpendapat harus walaupun tidak di dalam pekerjaan yang sama.

(iv) Syarikat al Wujuh.

Iaitu berkongsi untuk mendapatkan keuntungan secara bersama daripada hasil perniagaan yang dilakukan dengan masing-masing pihak menyumbangkan modal secara sendirian. (75) Syarikat ini harus menurut Mazhab Hanafi dan Hambali manakala Mazhab Maliki dan Shaf'i hukumnya adalah batal.

Perkongsian di dalam sektor pertanian, istilah yang digunakan oleh para perundangan Islam ialah "Muzara'ah" dan "Musawah".

Pengertian Muzara'ah.

Muzara'ah ialah kerjasama di antara pemilik tanah dengan pemilik biji benih untuk mengolah tanah pertanian, ladang atau

(76) sewah. Jika biji benih itu berasal dari orang yang memiliki tanah maka hal itu disebut sebagai Mukhabarah. Muzara^cah atau Mukhabarah adalah merupakan kerjasama di dalam bidang pertanian dengan bentuk perjanjian yang harus adil dan sama-sama menguntungkan. (77)

Pengertian Musawah.

Musawah ialah perjanjian di antara dua belah pihak di mana pihak yang pertama menyerahkan tanahnya kepada pihak yang kedua untuk ditanami berdasarkan perjanjian yang depersetujui bersama. (78)

Hukum-hukum mengenai Muzara^cah.

Imam Shaf^ci mentakrifkan Muzara^cah ialah mengerjakan tanah orang dengan memperolehi sebahagian dari hasilnya sedangkan biji benih yang dipergunakan ialah kepunyaan pemilik tanah. (79) Bagi pendapat beliau Muzara^cah tidak dibolehkan kerana tidak sah menyewakan tanah dengan hasil yang diperolehi daripadanya.

Ulama'-Ulama' Hanafiyah mendefinisikan Muzara^cah pada syara^c ialah satu aqad yang dilakukan untuk dikerjakan tanah oleh seseorang dengan diberikan kepadanya sebahagian dari hasil samada dengan cara orang yang mengerjakan itu menyewa tanah dengan memperolehi sebahagian hasil ataupun yang empunya tanah mengupah orang yang bekerja dengannya sebahagian dari hasil. (80)

Menurut Malikiyah Muzara^cah pada syara^c ialah suatu aqad yang batal jika sekiranya tanah milik orang lain sedangkan biji benih alat dari pihak yang lain pula. (81) Muzara^cah yang dibolehkan ialah Muzara^cah yang ditentukan upah. Ringkasnya tidak boleh menyewa atau mengupah dengan hasil yang diperolehi daripada bumi. Dan boleh jika sekiranya ditentukan dengan upah.

Menurut Ulama '-Ulama' Hanbaliyah Muzara^cah ialah orang yang mempunyai tanah yang dapat digunakan untuk bercucuk-tanam memberikannya kepada seseorang yang akan mengerjakannya. Di samping itu diberikan kepada orang yang akan mengerjakan itu biji benih dengan diberikan upah sebahagian dari hasil bumi itu. (82) Ringkasnya Ulama '-Ulama' Hanbaliyah membolehkan Muzara^cah dan hendaklah biji benih itu diberikan oleh pemilik tanah.

Hukum-hukum mengenai Musawah.

Musawah ialah mempergunakan buruh (orang upahan) untuk menyiram tanaman, menjaganya dan memeliharanya dengan memperolehi upah dari hasil yang diperolehi dari tanaman itu. (83) Hukumnya adalah dibenarkan oleh syara^c. Hukum ini disepakati oleh para sahabat, Tabi^cin dan Imam-Imam Mazhab kecuali Imam Abu Hanifah.

"Dibenarkan Musawah segala pepohonan yang berbuah seperti kurma, anggur dan lain-lain seumpamanya". (84) Inilah pendapat Al-Shaf^ci dalam Qaul Al Qadim yang dipilih oleh Ulama '-Ulama' muta-

"...nuta akhirin dari golongannya. Dalam Qaul Al-Jadid hanya dibenarkan musawah terhadap batang kurma dan batang anggur sahaja.

"Jika dalam kebun yang dikerjakan atas dasar musawah ada tempat yang lapang, belum ditanami maka boleh diserahkan tanah itu kepada orang yang bekerja dengan jalan Muzara'ah, asalkan yang bekerja itu adalah orang perseorangan".⁽⁸⁵⁾ Inilah pendapat Ahmad, Abu Yusuf Muhammad membolehkan Mukhabarah dalam segala tanah.

"Boleh bermusawah terhadap buah yang telah keluar jika belum nyata baiknya".⁽⁸⁶⁾ Menurut pendapat Imam Malik dan Ahmad, jika sudah nyata baiknya, tidak dibolehkan. Manakala Abu Yusuf Muhammad dan Shahnun membolehkannya juga.

2.7 Pertanian penyumbang kepada pembangunan Masyarakat melalui pengeluaran Zakat.

Pembangunan di dalam sesebuah masyarakat hanya akan dapat dicapai apabila pembangunan kerohanian tiap-tiap individu dalam masyarakat tersebut telah dicapai terlebih dahulu. Dengan itu peranan pembangunan masyarakat yang dimainkan oleh zakat bermula dari dalam jiwa setiap individu di dalam masyarakat tersebut.

Sumbangan zakat pertanian dalam membangunkan kerohanian dan keperibadian Muslim dapat dilihat dengan jelasnya, bilamana ianya berupaya membersihkan jiwa pengeluar-pengeluarnya seperti mana

yang telah disebutkan oleh Allah di dalam Firman-Nya:

خَذْمَنَ أَعْمَالَهُمْ صَدَقَةً تَظْهَرُ هُنَّ

Maksudnya;

Aambilah dari harta-harta mereka itu sedeqahnya. (87)

Pembersihan tersebut adalah dari segenap segi, iaitu pembersihan dari dosa-dosa, sifat bakhil, tamak haloba, kedekut, hasad tengki dan permusuhan. Di samping itu zakat pertanian dapat menguat jiwa dari cintakan harta kekayaan dunia. Ianya juga membersihkan jiwa dari menzalimi hak-hak fakir miskin, di samping ianya berupaya membersihkan harta itu sendiri malah berupaya untuk mengembangkannya seperti firman Allah:

**وَمَا آتَيْتُمْ مِنْ رِبَا لِيَرْبُوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوا
عَنِ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُمْ مِنْ نُكُوهٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ
فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّاغِنُونَ**

Maksudnya;

Sesuatu yang kamu berikan dari harta riba dengan maksud untuk menggerakkan keuntungan, pembeiran itu pada Allah tidak akan bertambah. Akan tetapi, apa yang kamu berikan dari harta zakat, untuk mencari keredhaan Allah, mereka itulah yang akan mendapat ganjaran yang melimpah-limpah. (88)

Dengan mengeluarkan zakat pertanian juga dapat menghalang manusia dari membelanjakan hartanya dengan sia-sia. Allah telah menjanjikan kepada mereka yang telah membelanjakan hartanya di jalur Allah dengan pahala yang berlipat-ganda dan menambahkan

sedeqah itu dengan kebaikan. Ini berdasarkan firman Allah:

هُنَّ الَّذِينَ يَنْفَعُونَ لِعِوَالِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ مَكْثُلُ حِلَةٍ أَنْتَ
سَبِيعُ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلٍ مَائِةُ حَيَةٍ وَاللَّهُ يَرْضِعُ
مِنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعُ عِلْمٍ

Maksudnya;

Dan orang-orang yang suka membelanjakan harta kekayaan untuk kepentingan Sabilillah itu, seumpama biji benih yang tumbuh dengan tujuh serangkai pada tiap tangkai ada seratus butir. Dan Allah akan melipatgandakan (pahala) bagi orang yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha luas Kurnia-Nya lagi Maha mengetahui. (89)

Sumbangan zakat pertanian juga untuk memujuk hati fakir miskin yang sentiasa hidup di dalam kesusahan menanggung penderitaan. Kerana di waktu mereka di dalam kesusahan itu, mereka mendapat perhatian masyarakat sekeliling khususnya golongan yang berada.

Dari sini dapat dilihat betapa besarnya sumbangan zakat pertanian dari segi mempereratkan persaudaraan di antara individu di dalam masyarakat. Mereka saling membantu di antara satu sama lain. Menanamkan semangat berkasih sayang dan persamaan sehingga menjadikan mereka sebagai satu keluarga.

Zakat pertanian di dalam sesebuah masyarakat merupakan sebagai insuran dan jaminan bagi masyarakat tersebut. Ia merupakan insuran bagi masyarakat bila mana orang yang menjadi pembayar zakat

pada tahun ini, kemungkinan akan menjadi seorang penerima zakat pada tahun hadapannya. Mungkin disebabkan kemuflisannya atau mungkin kerana ia menjadi musafir yang keputusan belanja atau sebagainya. Oleh itu jelas kepada kita bahawa fungsi zakat pertanian dalam masyarakat mencakupi setiap sudut keperluan manusia tanpa mengenal siapa yang memberi dan menerimanya. Di samping itu zakat pertanian merupakan suatu jaminan untuk setiap individu yang memerlukannya. Ianya tidak dikhususkan kepada orang-orang Islam semata-mata, malah menyeluruh kepada sesiapa sahaja yang bernaung di bawah Kerajaan Islam, sekalipun dari golongan Nasrani dan Yahudi seperti mana yang telah dilakukan oleh Saidina Umar ketika beliau menemui seorang Yahudi yang meminta-minta lalu beliau memerintahkan supaya keperluan Yahudi itu diambil dari Baitul Mal. (90)

Jaminan masyarakat ini ternyata sekali bila kewajipan diketahuan ke atas orang-orang yang berada membantu orang-orang yang berhajat dan orang-orang yang lemah melalui sistem zakat. Hasil kuitipan zakat pertanian akan dibahagikan kepada asnaf-asnaf dengan saksama di dalam sesebuah negara Islam. Malah jaminan ini melampui ke negara-negara Islam yang berjiran apabila terdapat lebihan harta zakat di dalam negara tersebut.

Dengan jaminan yang wujud di dalam masyarakat Islam ini, maka tidak akan wujud golongan yang papa kedana lagi dan meminta-minta kerana nasib mereka akan terbelah. Mereka akan dibantu sebelum meminta-minta kerana golongan yang berada menyedari bahawa mereka

mempunyai tanggungjawab terhadap anak-anak yatim piatu, janda-janda, fakir dan miskin.

Dari apa yang dibincangkan di atas tadi, ternyata bahawa zakat pertanian mempunyai potensi yang besar di dalam memerangi kemiskinan. Bersesuaian dengan firman Allah yang meletakkan fakir miskin sebagai asnaf pertama yang berhak menerima pemberian zakat.

Firman Allah:

إِنَّ الصَّدَقَاتِ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ

فِي أَجْرٍ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ
السَّبِيلِ فِي يَدِهِ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya;

Sedeqah (zakat-zakat) itu, hanya untuk kaum fakir miskin, para mil mua laf dan untuk pembebasan budak-budak, orang yang berhutang, untuk Salilillah, orang-orang yang dalam perjalanan. Demikian itu suatu ketentuan dari Allah kerana Allah Maha tahu lagi Maha bijaksana. (91)

Seterusnya zakat pertanian berperanan mengurangkan perbezaan taraf di antara orang-orang kaya dengan orang-orang miskin yang biasa wujud di dalam masyarakat. Natijah dari kejayaan zakat pertanian mengurangkan perbezaan taraf ini, terjelmalah suasana aman dan harmoni dalam masyarakat. Kerana perasaan hasad dengki dan iri hati golongan miskin terhadap golongan kaya akan terhapus. Kegiatan-kegiatan jenayah seperti merompak, mencuri, menipu, merogol dan rasuah juga turut terhapus sama. (92)

SENARAI NOTA KAKI.

- 1 Syed Othman Al Habshi (Dr.), " Melahirkan Golongan Petani Penggerak dan Pengusaha dalam Konteks Permodenan Sektor Pertanian", Seminar Pembangunan Insan dalam Konteks Dasar Pertanian Negara, Serdang, Selangor, 17.2.1986, m.s 12.
- 2 Surah al Baqarah, ayat 29.
- 3 Surah al Jaatsiyah, ayat 13.
- 4 Surah Hud, ayat 61.
- 5 Abdullah al Misdah (Dr.), Al Milikiyah al Khossotan fil Syari'ati al Islami, al Ittihad al Dauli lil Bunuk al Islamiah, t.t. m.s 90.
- 6 Surah al Waqi'ah, ayat 63-64.
- 7 Surah al Ra'd, ayat 9.
- 8 Surah al An'aam, ayat 141.
- 9 Al Bukhari, Sahih al Bukhari, Vol. 7, Mesir: Al Matbaah al Misriah wa Maktabatuh, 1964, m.s 72.
- 10 H.. Zainal Abidin Ahmad, Dasar-Dasar Ekonomi Islam, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, t.t. m.s 37.
- 11 Ibid.
- 12 Muhammad Harun, Sahih al Bukhari, Juzu' 1 , Mesir 1969, m.s 35.
- 13 H. Zainal Abidin Ahmad, op. cit. m.s 38.
- 14 Ibid.
- 15 Ibid.
- 16 Ibid.

- 17 Muhammad Muhsin Khan (Dr.), Sahih al Bukhari, Vol. 111,
Darul Fikri, Beirut, m.s 295.
- 18 Hamdi Abdul Rahman (Dr.), Nazariyat al Tamlik fil Islam,
Muassasah al Risalah, Beirut, cetakan kedua, 1403-1983,
m.s 31.
- 19 Ibid.
- 20 Ibid.
- 21 Surah Yaasin, ayat 34-35.
- 22 Surah al Ahzab, ayat 27.
- 23 Surah asy Syuura, ayat 7.
- 24 Ahmad Muhammad Al 'Assal (Dr.), Fathi Ahmad Abdul Karim (Dr.),
Sistem Ekonomi Islam, Prinsip-prinsip dan Tujuan-tujuannya,
Penerbit al Haramain, cetakan kedua, Singapura, 1984, m.s 60.
- 25 Ibid.
- 26 Ahmad Muhammad Al 'Assal (Dr.), Fathi Ahmad Abdul Karim (Dr.),
op. cit. m.s 62.
- 27 Surah al Fajr, ayat 19-20.
- 28 Al Nawawi, Sahih Muslim, Vol. 7, Mesir:Al Matbaah al Misriah
wa Maktabatuh, 1964, m.s 35.
- 29 Ahmad Muhammad Al 'Assal (Dr.), Fathi Ahmad Abdul Karim (Dr.),
op. cit. m.s 45.
- 30 Ibid.
- 31 Hadis Riwayat Tarmizi.
- 32 Surah al Baqarah, ayat 38.
- 33 Surah al Ma'ida, ayat 38.

Ahmad Muhammad Al 'Assal (Dr.), Fathi Ahmad Abdul Karim (Dr.), op. cit. m.s 47.

Ibid. m.s 48.

Muhammad Muhsin Khan (Dr.), op. cit. m.s 295.

Muhammad Abu Zahrah, Cara Islam Mengatur Masyarakat, Dar al Fikr, 1976, m.s 45.

Ahmad Muhammad Al 'Assal (Dr.), Fathi Ahmad Abdul Karim (Dr.), op. cit. m.s 50.

Abdullah Muhammad bin Ismail Al Bukhari, Al Bukhari, Juzu' Kafua, Darul Fikri, Beirut. t.t. m.s 48.

Ahmad Muhammad Al 'Assal (Dr.), Fathi Ahmad Abdul Karim (Dr.), op. cit. m.s 51.

Ibnu Taimiyah, Majmu'atu I-Fatawa, Juzu' 28, Iskandariah: Muassasah Shahab al Jamaah, m.s 586.

Abdullah Muhammad bin Ismail Al Bukhari, op. cit. m.s 48.

Ibnu Qudamah, al-Mughni, jilid 5, Maktabah al Kaherah, 1968, n.s 4/41.

Muhammad Muhsin Khan (Dr.), Vol. 4V, m.s 5.

Ali Abdul Wahid Wati, Hak-Hak Manusia Dalam Islam, Darun Nahdhah, Mesir, cetakan keempat, 1387/1967, m.s 80.

Ahmad Muhammad Al 'Assal (Dr.), Fathi Ahmad Abdul Karim (Dr.), op. cit. m.s 50.

Surah an Nisa, ayat 13-14.

Muhammad Abu Zahrah, op. cit. m.s 73-75.

Ali Abdul Wahid Wati, Jaminan Islam terhadap Nyawa dan Kemuliaan Insan, diterjemah oleh Profesor Madya Mat Saad Abd. Rahman, Hizbi, t.t. m.s 59.

Surah riwayat Tardisi i.

Surah al Taha, ayat 131.

Surah al Ma'ida, ayat 17.

Surah al Mulk, ayat 11.

Surah an Nisa, ayat 5.

Surah al Baqarah, ayat 79.

Surah al Baqarah, ayat 188.

Mura P. Hutagalung SH, Hukum Islam Dalam Era Pembangunan,

Penerbit Ind Hill co, Jakarta, Disember 1985, m.s 79.

Ibid.

Sobri Solomon (Dr.), Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem Dan Kemungkinan, al Rahmaniah, cetakan pertama, Mei 1989, m.s 29.

Surah al Baqarah, ayat 30.

Surah al A'raaf, ayat 129.

Sobri Solomon (Dr.), op. cit. m.s 109.

Sayid Sabiq, Fikih Sunnah, Jilid 13, Pustaka al Azhar, cetakan pertama di Malaysia, 1987, m.s 36.

Surah al Baqarah, ayat 275.

Surah Ali Imran, ayat 130.

Sobri Solomon (Dr.), op. cit. m.s 110.

Ibid. m.s 142.

(bid. m.s 110)

Muhammad Rifai, Ilmu Fiqih Islam Lengkap, Pustaka Nasional Singapura, cetakan keempat, 1996, m.s 381.

Mussien Bahreisj, Pedoman Fiqih Islam, al Ikhlas, Surabaya, 1991, m.s 75.

• Sulaiman Roshdi, Fiqh Islam, al Tahriyah, Jakarta, cetakan
1977, t.t. m.s 284.

Muhammad Muhsin Khan (Dr.), Vol. 111, op. cit. m.s 400.

Meld, Faizi Haji Awang, Pengajian Ilmu Fiqah, Pustaka Aman
Press, cetakan pertama, 1973, m.s 63.

Ibid.

Ibid.

Profesor T.M Hasbi Ash Shiddieqy (Dr.), Hukum-Hukum Fiqih,
Pilar Bintang, cetakan kelima, 1978, m.s 484.

Ibid.

Ibid.

Ibid.

Ibid. m.s 485.

Ibid.

Ibid.

Ibid. m.s 486.

Ibid.

Ibid.

Ibid.

Surah al Taubah, ayat 103.

Zaynul Qardhawi (Dr.), Fiqh al Zakah, Juzu' 2, Beirut:
Dar al Irsyad, 1986, m.s 821-832.

Surah al Rum, ayat 39.

Surah al Baqarah, ayat 261.

Surah al Taubah, ayat 60.

Urf Mahmud al Kafrawi (Dr.), Siasah al Infak al Am fi al Islam,

Darul Ihsan, Shahab al Jamaah, 1980 m.s 369.

Al-Minhān Rukhīn, Fiqh Islāh, al-Tuhariyah, Jakarta, cetakan ke-¹¹, t.t. m.s 284.

Muhammad Muhsin Khan (Dr.), Vol. 111, op. cit. m.s 400.

Moud, Faizi Haji Awang, Pengajian Ilmu Fiqah, Pustaka Aman Press, cetakan pertama, 1973, m.s 63.

Ibid.

Ibid.

Profesor T.M Hasbi Ash Shiddieqy (Dr.), Hukum-Hukum Fiqih, Balar Bintang, cetakan kelima, 1978, m.s 484.

Ibid.

Ibid.

Ibid.

Ibid. m.s 485.

Ibid.

Ibid.

Ibid. m.s 486.

Ibid.

Ibid.

Ibid.

Surah al Taubah, ayat 103.

Yusuf al Qardhawi (Dr.), Fiqh al Zakah, Juzu' 2, Beirut: Dar al Irsyad, 1986, m.s 381-382.

Surah al Rum, ayat 39.

Surah al Baqarah, ayat 261.

Surah al Taubah, ayat 60.

Urf Mahmud al Kafrawi (Dr.), Siasah al Infak al Am fi al Islam,

Iskandariah; Muazzasah Shahab al Jamaah, 1981 m.s 369.